

**D.R. 15/93**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**AKTA PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN 1993**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas, **pemakaian** dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**TANGGUNGJAWAB BAGI SISTEM PEMBETUNGAN  
DAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN**

3. Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa mengenai sistem dan perkhidmatan pembedungan.
4. Pemindahan harta bagi maksud pembedungan.
5. Perjanjian sedia ada.
6. Pengambilalihan kawalan dan pengurusan pengusahaan kontraktual.
7. Perjanjian penswastaaan.

**BAHAGIAN III**

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN**

8. Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, dll.
9. Kuasa dan fungsi Ketua Pengarah.
10. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.

**BAHAGIAN IV**

**SISTEM PEMBETUNGAN AWAM**

11. Sistem pembedungan disifatkan sistem pembedungan awam.
12. Perisytiharan sistem pembedungan awam.
13. Sistem pembedungan awam boleh dibina.

## Fasal

14. **Kehendak** berkenaan dengan pemetung atau sistem pemetungan yang akan **menjadi sebahagian daripada sistem pemetungan awam**.
15. **Pengurusan, pengendalian, penyenggaraan, dsb., sistem pemetungan awam.**
16. **Pengemasan, pembersihan dan pengosongan sistem pemetungan awam.**
17. **Kehendak supaya** saluran yang sepatutnya bagi kumbahan dibuat.
18. **Sambungan tanpa kebenaran ke pemetung awam, dsb.**
19. **Efluen industri atau benda berbahaya tidak boleh bertemu dengan pemetung awam dsb.**
20. **Kerosakan kepada sistem pemetungan awam hendaklah dibaiki.**

## BAHAGIAN V

SISTEM PEMETUNGAN DAN TANGKI SEPTIK  
PERSENDIRIAN

21. **Kuasa Ketua Pengarah untuk menggunakan apa-apa sistem perkhidmatan pemetungan.**
22. **Kuasa untuk menyebabkan tangki septik persendirian dibersihkan, dsb.**
23. **Kuasa Ketua Pengarah untuk menghendaki sistem pemetungan persendirian dijadikan berkeadaan teratur seperti yang sepatutnya.**
24. **Kuasa untuk menghendaki premis disambungkan kepada sistem pemetungan awam.**
25. **Kewajipan pemunya untuk mengendalikan dan menyenggara sistem pemetungan atau tangki septik persendirian.**
26. **Penalti berkenaan dengan kacau-ganggu, dsb. yang disebabkan oleh sistem pemetungan persendirian.**

## BAHAGIAN VI

## KUASA UNTUK MASUK

27. **Kuasa untuk memasuki premis.**
28. **Kuasa untuk memasuki tanah yang bersempadanan.**
29. **Pampasan.**

## BAHAGIAN VII

## CAJ

30. **Kuasa untuk mengenakan caj.**

## BAHAGIAN VIII

KELULUSAN PELAN DAN SPESIFIKASI BAGI SISTEM  
PEMBETUNGAN ATAU TANGKI SEPTIK

## Fasal

31. Kelulusan diperlukan bagi **pembinaan** sistem pembetulan atau tangki septik.

## BAHAGIAN IX

## PELESENAN

32. Lesen dikehendaki bagi perbuatan tertentu.
33. Permohonan dan pengeluaran lesen.
34. Kewajipan tambahan pemegang lesen.

## BAHAGIAN X

## PELBAGAI

35. Penalti kerana menghalang Ketua Pengarah, dll.
36. Penalti kerana tidak mematuhi notis.
37. Prosiding jika penghuni menentang pelaksanaan kerja-kerja.
38. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
39. Penjalanan pendakwaan.
40. Kuasa untuk mengkompaunkan kesalahan.
41. Penyampaian dokumen.
42. Ketaktepatan dalam dokumen.
43. Perakuan bagi membuktikan tuan punya tanah.
44. Kebertanggungan pemindah milik.
45. Kuasa untuk membuat peraturan.
46. Kecualian dan peralihan.



## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan sistem pebetungan dan perkhidmatan pebetungan di seluruh Malaysia bagi maksud memperbaiki kebersihan dan alam sekitar dan meningkatkan kesihatan awam; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya.

[ ]

BAHAWASANYA kesihatan awam, kebersihan, saliran dan perancangan bandar dan desa adalah perkara dalam Senarai Bersama dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan;

DAN BAHAWASANYA perkara-perkara yang berhubungan dengan sistem pebetungan dan perkhidmatan pebetungan ditadbirkan sekarang ini oleh pelbagai pihak berkuasa tempatan:

DAN BAHAWASANYA dihasratkan supaya ada undang-undang dan dasar yang seragam dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan sistem pebetungan dan perkhidmatan pebetungan di seluruh Malaysia:

DAN BAHAWASANYA dihasratkan, bagi maksud keseragaman itu, supaya kuasa eksekutif diberikan kepada Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan sistem pebetungan dan perkhidmatan pebetungan di seluruh Malaysia:

MAKA, OLEH YANG DEMIKAN, mengikut Perkara 74 dan 80(2), dan Senarai III Jadual Kesembilan kepada, Perlembagaan Persekutuan, MAKA INILAH

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia.

(3) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan—

(a) bagi mula berkuatkuasanya Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia;

(b) bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini; atau

(c) bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini di bahagian-bahagian yang berlainan di Malaysia.

(4) Menteri boleh menggantung kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini di mana-mana bahagian di Malaysia.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“efluen industri” ertinya sisa cecair atau air sisa yang terhasil oleh sebab atau semasa proses pengeluaran yang berlaku di mana-mana premis perindustrian;

“enap cemar kumbahan” ertinya campuran baki pepejal atau cecair yang terhasil semasa pengolahan separa atau penuh kumbahan tetapi tidak termasuk efluen kumbahan terolah yang dilepaskan melalui paip pelupusan;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembetungan yang dilantik di bawah seksyen 8;

"kod amali" ertinya kod amali yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 9;

"kontraktor penyambungan" ertinya orang yang dilesen di bawah Akta ini untuk menjalankan penyambungan;

"kontraktor perkhidmatan pembetungan" ertinya orang yang mengusahakan, memberikan atau menyediakan perkhidmatan pembetungan;

"kumbahan" ertinya apa-apa sisa cecair atau air sisa yang dilepaskan yang mengandungi bahan dari tubuh manusia atau haiwan atau bahan nabati dalam bentuk terampai atau larutan, dan termasuk cecair yang mengandungi bahan kimia dalam larutan tetapi tidak termasuk efluen industri;

"paip pelupusan" ertinya paip, saluran, pembuluh atau struktur yang seumpamanya yang digunakan bagi pelepasan efluen dari sistem pembetungan bagi pelepasan akhirnya ke parit, alur air, anak sungai, sungai, muara, laut atau medium penerima yang lain;

"paip sambungan persendirian" ertinya apa-apa paip, saluran, pembuluh atau struktur seumpamanya yang digunakan, atau yang boleh digunakan, bagi menyalirkan kumbahan dari premis hingga ke tempat sambungan dengan pembetung atau tempat pengolahan atau tangki septik;

"pembetung" ertinya apa-apa paip, dengan perlengkapannya, yang direka bentuk untuk membawa kumbahan dari dua premis atau lebih ke tempat pengolahan pembetungan;

"pemunya" ertinya—

- (a) tuan punya berdaftar tanah;
- (b) penerima pajak, termasuk penerima pajak kecil, tanah, sama ada berdaftar atau tidak;

- (c) ejen atau pemegang amanah mana-mana orang yang diperihalkan dalam perenggan (a) dan (b) atau, jika orang itu tidak dapat dikesani atau sudah mati, wakil dirinya di sisi undang-undang;

“penghuni” ertinya orang yang menghuni atau mengawal premis dan, berhubungan dengan premis yang bahagian-bahagiannya yang berlainan dihuni oleh orang-orang yang berlainan, ertinya masing-masing orang yang menghuni atau mengawal setiap bahagian;

“Pentadbir Tanah Daerah”—

*Akta 56/65.*

- (a) berkenaan dengan Malaysia Barat, mempunyai erti yang diberikan kepada “Pentadbir Tanah” oleh seksyen 5 Kanun Tanah Negara;

*Bab 68.*

- (b) berkenaan dengan Negeri Sabah, mempunyai erti yang diberikan kepada “Pemungut” oleh seksyen 4 Ordinan Tanah Sabah; dan

*Bab 81.*

- (c) berkenaan dengan Negeri Sarawak, mempunyai erti yang diberikan kepada “Pengaroh” oleh seksyen 2 Kanun Tanah Sarawak;

“penyambungan” ertinya kerja yang perlu untuk menyambungkan paip sambungan persendirian dengan pebetung atau tempat pengolahan;

“perkhidmatan pebetungan” ertinya pengumpulan, pembawaan, pengolahan dan pelupusan kumbahan, dan termasuk pengendalian dan penyenggaraan sistem pebetungan dan pengemasan, pembersihan dan pengosongan tangki septik;

*Akta 172  
Bab 141.  
Bah 87.*

“pihak berkuasa perancangan tempatan” ertinya mana-mana pihak berkuasa perancangan yang ditubuhkan menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Ordinan Perancangan Bandar dan Desa 1950, Sabah atau Ordinan Perancangan Bandar dan Desa 1952, Sarawak;

“pihak berkuasa tempatan”—

- (a) ertinya mana-mana pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan atau disifatkan telah



ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Sabah atau Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1948, Sarawak; *Akta 171  
Ord. 11/1961  
Bab 117.*

- (b) berhubungan dengan Wilayah Persekutuan Labuan, ertinya pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Sabah, yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Kerajaan Tempatan) 1984; *P.U. (A)  
169/84*
- (c) berhubungan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960; *Akta 190.*
- (d) berhubungan dengan Bandaraya Kuching Utara, ertinya Datuk Bandar Kuching Utara yang dilantik di bawah seksyen 4 Ordinan Bandaraya Kuching Utara 1988, Sarawak; dan *Ord 3/1988.*
- (e) berhubungan dengan Bandaraya Kuching Selatan, ertinya Majlis Bandaraya Kuching Selatan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Ordinan Bandaraya Kuching 1988, Sarawak; *Ord. 2/1988.*

“premis” termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen, isemen dan hereditamen walau apa pun jenis pemegangannya, sama ada terbuka atau tertutup, sama ada dengan binaan atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggarakan di bawah kuasa statutori atau tidak;

“sistem pembetungan” ertinya sistem yang mengandungi pemetung, paip pelupusan, stesen pengepam atau tempat pengolahan atau apa-apa kombinasinya dan segala struktur, kelengkapan dan perlengkapan lain yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi mengumpulkan, membawa, mengepam atau mengolah kumbahan atau bagi melupuskan efluen atau enap cemar atau kumbahan yang sudah diolah;

"sistem pembetungan awam" ertinya apa-apa sistem yang diisytiharkan oleh Menteri menjadi sistem

pembetulan awam menurut seksyen 12 dan mana-mana sistem pembetulan yang disifatkan sebagai sistem pembetulan awam di bawah Akta ini;

"sistem pembetulan persendirian" ertinya apa-apa sistem pembetulan yang bukan sistem pembetulan awam;

"stesen pengepam" ertinya pam dan apa-apa loji dan bangunan berkaitan yang digunakan bagi membawa kumbahan;

"tanah Kerajaan" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Kanun Tanah Negara, Ordinan Tanah, Sabah atau Kanun Tanah, Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan;

"tanah rizab" ertinya tanah yang dirizabkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi apa-apa maksud persekutuan atau negeri;

"tangki septik" ertinya tangki mendapan dengan satu petak atau lebih yang membentuk suatu sistem atau sebahagian daripada suatu sistem untuk mengolah, sama ada secara separa atau sepenuhnya, kumbahan dari satu premis;

"tarikh peletakhakan" ertinya tarikh harta, hak dan liabiliti terletak pada Kerajaan Persekutuan di bawah seksyen 4;

"tempat pengolahan" ertinya kemudahan yang direka bentuk untuk menerima dan memproses kumbahan atau hasil sampingannya sebelum dilupuskan ke medium penerima, tetapi tidak termasuk tangki septik yang memberikan kemudahan kepada satu premis.

## BAHAGIAN II

### TANGGUNGJAWAB BAGI SISTEM PEMBETUNGAN DAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

Kerajaan Persekutuan hendaklah mempunyai kuasa mengenai sistem dan perkhidmatan pembetulan.

3. Kerajaan Persekutuan hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara yang berhubungan dengan sistem pembetulan dan perkhidmatan pembetulan di seluruh Malaysia.

4. (1) Selepas Kerajaan Persekutuan dengan—
- (a) sesuatu pihak berkuasa tempatan;
  - (b) sesuatu Kerajaan Negeri; atau
  - (c) sesuatu pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri yang relevan,

Pemindahan harta bagi maksud pembedungan.

telah bersetuju bersama tentang pemindahan apa-apa harta alih atau tak alih yang terletak pada pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri itu bagi maksud sistem pembedungan dan perkhidmatan pembedungan, Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* menetapkan suatu tarikh dan pada tarikh itu harta alih atau tak alih itu hendaklah dipindahkan kepada dan terletak pada Kerajaan Persekutuan menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkenaan.

(2) Jika apa-apa harta, yang bukan tanah Kerajaan, yang terletak pada sesuatu pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri bagi maksud sistem pembedungan dan perkhidmatan pembedungan sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini adalah diperlukan bagi maksud-maksud itu di bawah Akta ini tetapi tiada persetujuan dicapai antara pihak-pihak yang disebut dalam subseksyen (1) berkenaan dengan pemindahan harta itu, maka harta itu boleh diambil oleh Kerajaan Persekutuan—

- (a) dalam hal tanah, mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengambilan tanah bagi maksud awam; dan
- (b) dalam hal mana-mana harta lain, apabila dibayar pampasan yang mencukupi,

dan bagi maksud undang-undang yang disebut dalam perenggan (a), tanah itu hendaklah disifatkan diperlukan bagi maksud awam.

(3) Apa-apa harta yang dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan di bawah subseksyen (1) atau diambil oleh Kerajaan Persekutuan di bawah subseksyen (2) hendaklah terletak pada Kerajaan Persekutuan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan dan hendaklah terletak sedemikian

dengan hakmilik, estet atau kepentingan dan pemegangan yang serupa sebagaimana harta itu terletak sebelum pemindahan atau pengambilan itu.

(4) Jika apa-apa harta terletak di bawah seksyen ini pada Kerajaan Persekutuan, segala hak yang dinikmati keseluruhannya atau sebahagian besarnya berkaitan dengan harta itu dan segala liabiliti yang berbangkit keseluruhannya atau sebahagian besarnya daripada harta itu sebelum tarikh peletakhakan hendaklah, mulai dari tarikh peletakhakan, berpindah kepada dan terletak pada Kerajaan Persekutuan.

(5) Apa-apa prosiding atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang ada sebelum sahaja tarikh peletakhakan oleh atau terhadap sesuatu pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri berkenaan dengan apa-apa harta, hak atau liabiliti yang terletak pada Kerajaan Persekutuan di bawah seksyen ini boleh diteruskan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap Kerajaan Persekutuan.

(6) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak pada Kerajaan Persekutuan di bawah seksyen ini boleh dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh Kerajaan Persekutuan, dan tidaklah perlu bagi Kerajaan Persekutuan memberikan notis kepada orang yang terikat oleh hak dalam tindakan itu tentang peletakhakan yang dilaksanakan melalui seksyen ini.

(7) Tiap-tiap hak dan liabiliti yang berpindah kepada Kerajaan Persekutuan di bawah seksyen ini boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh atau terhadap Kerajaan Persekutuan dan tidaklah perlu bagi Kerajaan Persekutuan memberikan notis kepada orang yang hak atau liabilitinya tersentuh oleh peletakhakan di bawah seksyen ini.

Perjanjian  
sedia ada.

5. Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang masih berkuatkuasa sebelum sahaja tarikh peletakhakan yang menyentuh apa-apa aset, harta dan liabiliti sesuatu pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri yang terletak pada Kerajaan Persekutuan di bawah seksyen 4 hendaklah mempunyai

kuatkuasa dan kesan penuh terhadap atau untuk Kerajaan Persekutuan dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesan seolah-olah Kerajaan Persekutuan dan bukan pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri itu atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri itu telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

6. Kerajaan Persekutuan boleh, atas permintaan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri mengambil alih kawalan dan pengurusan, keseluruhannya atau sebahagiannya, sebelum tarikh peletakhakan, mana-mana pengusahaan kontraktual pihak berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri itu berkaitan dengan mana-mana sistem pembedungan yang akan dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan di bawah seksyen 4.

Pengambilalihan kawalan dan pengurusan pengusahaan kontraktual.

7. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, Kerajaan Persekutuan hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa perjanjian dengan mana-mana kontraktor perkhidmatan pembedungan yang memberikuasa kontraktor itu untuk membuat semua atau mana-mana perkara yang berikut:

Perjanjian penswastaaan

- (a) merancang, mereka bentuk, membina, menguruskan, memeriksa, mengendalikan, menyenggara, membaiki atau mengubah-pulihkan mana-mana sistem pembedungan awam;
- (b) memberikan perkhidmatan pembedungan;
- (c) membuat apa-apa perkara lain yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan kontraktor perkhidmatan pembedungan,

di seluruh Malaysia atau di mana-mana bahagian di Malaysia.

## BAHAGIAN III

## KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

Ketua  
Pengarah,  
Timbalan  
Ketua  
Pengarah,  
dll.

8. (1) Menteri hendaklah melantik, daripada kalangan anggota perkhidmatan awam, seorang Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembetungan.

(2) Maka hendaklah dilantik, oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang relevan, seorang Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembetungan yang hendaklah, tertakluk kepada kawalan dan arahan Ketua Pengarah, mempunyai kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah, selain daripada kuasa perwakilan yang disebut dalam subseksyen (4).

(3) Maka hendaklah dilantik, oleh Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang relevan, apa-apa bilangan Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah dan pegawai lain yang perlu bagi maksud Akta ini dan mereka hendaklah tertakluk kepada kawalan, arahan dan pengawasan Ketua Pengarah.

(4) Ketua Pengarah boleh, berhubungan dengan apa-apa perkara atau golongan perkara tertentu, secara bertulis di bawah tandatangannya, mewakili semua atau mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Akta ini, kecuali kuasa perwakilannya, kepada mana-mana Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah, atau pegawai lain supaya kuasa atau fungsi yang diwakilkan itu boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah atau pegawai lain itu.

(5) Sesuatu perwakilan di bawah subseksyen (4) boleh dibatalkan mengikut budi bicara Ketua Pengarah dan tidak menghalang Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah menjalankan kuasa atau melaksanakan fungsi yang diwakilkan di bawah subseksyen itu.

9. Tanpa menjejaskan mana-mana kuasa atau fungsi lain yang diberikan kepada atau dikenakan ke atas Ketua Pengarah oleh mana-mana peruntukan lain Akta ini, Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa dan fungsi yang berikut:

Kuasa dan  
fungsi Ketua  
Pengarah.

- (a) merumuskan dan melaksanakan suatu rancangan supaya segala permintaan yang munasabah bagi perkhidmatan pembetulan dipenuhi;
- (b) selepas berunding dengan pihak-pihak berkuasa yang relevan, menyediakan pelan struktur yang merumuskan dasar dan cadangan am berkenaan dengan pembangunan apa-apa sistem pembetulan baru dan langkah-langkah bagi memperbaiki mana-mana sistem pembetulan yang sedia ada;
- (c) menetapkan standard dan spesifikasi minimum bagi apa-apa pemasangan atau kelengkapan yang berhubungan dengan sistem pembetulan, tangki septik, sambungan dan paip sambungan persendirian dan mendaftarkan orang-orang yang membekalkan pemasangan atau kelengkapan sedemikian;
- (d) menentukan standard dan spesifikasi dan menetapkan kod amali bagi perancangan, reka bentuk, pembinaan, pemasangan, bermulanya penggunaan dan penyenggaraan sistem pembetulan;
- (e) menjalankan fungsi-fungsi pengawalseliaan yang dinyatakan dalam Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (f) mengeluarkan lesen di bawah Akta ini;
- (g) memastikan bahawa fungsi-fungsi dan obligasi-obligasi mana-mana kontraktor perkhidmatan pembetulan yang dengannya perjanjian telah dibuat di bawah seksyen 7 dijalankan dengan sepatutnya di seluruh Malaysia;

- (h) memastikan bahawa kontraktor perkhidmatan pembedungan yang dengannya perjanjian telah dibuat di bawah seksyen 7 dapat membiayai penjalanan sepatutnya fungsi-fungsinya;
- (i) mempertingkatkan kepentingan pelanggan perkhidmatan pembedungan atau perkhidmatan penyambungan yang diberikan oleh mana-mana orang yang dilesen di bawah Akta ini berkenaan dengan—
  - (i) harga yang akan dikenakan bagi perkhidmatan itu;
  - (ii) mutu perkhidmatan itu;
  - (iii) berhubungan dengan perkhidmatan pembedungan, keberterusan perkhidmatan itu;
- (j) setakat yang didapatinya praktik dari semasa ke semasa untuk berbuat demikian, sentiasa mengkaji semula prestasi tiap-tiap kontraktor perkhidmatan pembedungan yang dengannya perjanjian telah dibuat di bawah seksyen 7;
- (k) mengeluarkan perakuan kekompetenan kepada orang-orang yang layak untuk menguruskan, mengendalikan dan menyenggara sistem pembedungan persendirian;
- (l) menjalankan apa-apa aktiviti lain dan membuat apa-apa perkiraan kontraktual yang didapati oleh Ketua Pengarah dikehendaki, berfaedah atau sesuai bagi maksud menjalankan, atau berkaitan dengan, pelaksanaan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Kuasa  
Menteri  
untuk  
memberikan  
arahan.

10. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan yang bersifat am yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini tentang penjalanan kuasa-kuasa dan pelaksanaan fungsi-fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini dan hendaklah menjadi kewajipan Ketua Pengarah melaksanakan arahan-arahan itu.



## BAHAGIAN IV

## SISTEM PEMBETUNGAN AWAM

**11.** (1) Apa-apa sistem pemetungan yang terletak pada Kerajaan Persekutuan di bawah seksyen 4 hendaklah disifatkan sebagai sistem pemetungan awam.

Sistem pemetungan disifatkan sistem pemetungan awam.

(2) Apa-apa sistem pemetungan yang dibina atau akan dibina oleh kontraktor perkhidmatan pemetungan menurut perjanjian yang dibuat di bawah seksyen 7 hendaklah disifatkan sistem pemetungan awam.

**12.** Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pengambilan atau penggunaan secara paksa harta, Menteri boleh dari semasa ke semasa, melalui notis yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan bahawa mana-mana sistem pemetungan, yang bukan sistem pemetungan awam, hendaklah menjadi sistem pemetungan awam apabila habis tempoh satu bulan dari tarikh penyiaran notis itu.

Perisytiharan sistem pemetungan awam.

**13.** Ketua Pengarah boleh—

- (a) menyebabkan apa-apa sistem pemetungan dibina sebagaimana yang difikirkannya perlu;
- (b) menyebabkan diletakkan atau dibina apa-apa pemetung atau paip pelupusan awam melalui, merintang atau di bawah mana-mana tempat yang disediakan sebagai, atau dimaksudkan untuk, jalan atau mana-mana bilik bawah tanah atau bilik kebal di bawah mana-mana jalan;
- (c) selepas notis bertulis mengikut Akta ini, menyebabkan diletakkan atau dibina apa-apa pemetung atau paip pelupusan awam melalui, merintang, di bawah atau di atas mana-mana tanah atau premis.

Sistem pemetungan awam boleh dibina.

Kehendak berkenaan dengan pemetung atau sistem pemetungan yang akan menjadi sebahagian daripada sistem pemetungan awam.

14. (1) Jika seseorang bercadang untuk membina pemetung atau sistem pemetungan dan Ketua Pengarah berpendapat bahawa pemetung atau sistem pemetungan yang dicadangkan itu akan, atau adalah, atau mungkin akan, diperlukan untuk menjadi sebahagian daripada sistem pemetungan awam, Ketua Pengarah boleh menghendaki orang itu—

- (a) membina pemetung atau sistem pemetungan itu mengikut cara yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah; atau
- (b) memperbaiki dan menyenggara pemetung atau sistem pemetungan itu sehingga pemetung atau sistem pemetungan itu menjadi sebahagian daripada sistem pemetungan awam.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Ketua Pengarah di bawah subseksyen itu.

(3) Jika Ketua Pengarah menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1) dia hendaklah membayar orang yang membina pemetung atau sistem pemetungan itu belanja tambahan yang semunasabahnya dilakukan oleh orang itu bagi mematuhi kehendak Ketua Pengarah.

Pengurusan, pengendalian, penyenggaraan, dsb, sistem pemetungan awam.

15. (1) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan sistem-sistem pemetungan awam diuruskan, dikendalikan, disenggara, diperiksa, dibaiki, diubah-pulihkan, diubah, digerbangi atau diperbaiki selainnya dan hendaklah mengolah dan melupuskan kandungannya, dan boleh menghentikan penggunaan, menutup atau memusnahkan mana-mana bahagiannya.

(2) Jika oleh sebab apa-apa pemeriksaan, pengubah-pulihan, pembaikan, pengubahan atau pembaikan mana-mana sistem pemetungan awam di bawah subseksyen (1) mana-mana orang tidak dapat menggunakan apa-apa pemetung dengan sah, Ketua Pengarah hendaklah dengan usaha yang wajar mengadakan kemudahan lain yang sama berkesan dengan apa yang tidak dapat digunakan oleh orang itu.

**16.** Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan sistem pembetulan awam dikemaskan, dibersihkan dan dikosongkan dan, bagi maksud pengemasan, pembersihan dan pengosongan sistem pembetulan awam itu, dia boleh membina dan meletakkan, sama ada di atas atau di bawah tanah, apa-apa takungan, suis, enjin dan mekanisme lain sebagaimana yang perlu.

Pengemasan, pembersihan dan pengosongan sistem pembetulan awam.

**17.** (1) Jika mana-mana bangunan pada bila-bila masa tidak ada kemudahan mengikut Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau selainnya sehingga Ketua Pengarah berpuas hati, bagi penyaliran kumbahan melalui paip sambungan persendirian yang mencukupi yang bersambung dengan pembedung awam atau sistem pembedung awam, Ketua Pengarah boleh memberikan notis secara bertulis yang menghendaki pemunya bangunan itu atau, jika pemunya itu tidak dapat dikesani setelah usaha yang munasabah dibuat, penghuni bangunan itu supaya membina atau meletakkan dari bangunan itu paip daripada bahan atau mengikut ukuran, di aras dan dengan kelandaian yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah bagi menyalirkan kumbahan dari bangunan itu.

Kehendak supaya saliran yang sepatutnya bagi kumbahan dibuat.

(2) Jika pemunya atau penghuni tidak mematuhi notis yang diberikan di bawah subseksyen (1) Ketua Pengarah boleh memohon kepada Mahkamah Majistret bagi mendapatkan perintah mandatori yang menghendaki pemunya atau penghuni itu membina atau meletakkan paip yang dinyatakan dalam notis itu.

**18.** (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Ketua Pengarah—

Sambungan tanpa kebenaran ke pembedung awam, dsb.

- (a) menjadikan atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana paip sambungan persendirian, parit atau pembedung disambungkan secara langsung atau tak langsung ke mana-mana pembedung awam atau tempat olahan awam; atau
- (b) menutup, menghalang, menyumbat atau melencongkan mana-mana pembedung awam.

(2) Ketua Pengarah boleh—

- (a) memerintahkan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) supaya berhenti menggunakan, atau supaya merobohkan atau selainnya membuang, apa-apa halangan, paip pelupusan persendirian, parit atau pemetung yang melanggar subseksyen itu; atau
- (b) merobohkan atau selainnya membuang halangan, paip pelupusan persendirian, parit atau pemetung itu dan mendapatkan belanja yang dilakukan pada berbuat demikian daripada orang itu.

(3) Ketua Pengarah boleh enggan membenarkan mana-mana orang membuat sambungan ke mana-mana pemetung awam atau tempat olahan awam jika—

- (a) pemetung awam atau tempat olahan awam itu tidak atau tidak akan mempunyai keupayaan atau daya muatan yang diperlukan untuk menerima kumbahan yang akan dilepaskan melalui sambungan yang dicadangkan itu; atau
- (b) didapati oleh Ketua Pengarah bahawa cara pembinaan atau keadaan pemetung awam atau tempat olahan awam itu adalah sedemikian rupa sehingga pembuatan sambungan itu mungkin menjejaskan sistem pemetungan awam.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau tidak mematuhi perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

**19.** (1) Tiada seorang pun boleh melepaskan ke dalam atau membenarkan bertemu dengan mana-mana pemetung awam atau tempat olahan awam—

- (a) apa-apa efluen industri, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah; atau

Efluen industri atau benda berbahaya tidak boleh bertemu dengan pemetung awam, dsb.

(b) apa-apa bahan berbahaya, mudah meruap atau mudah terbakar atau apa-apa benda lain yang mungkin merosakkan atau mencacatkan fungsi mana-mana pemetung awam atau tempat olahan awam atau mengganggu aliran bebas kandungannya atau menjejaskan pengolahan atau pelupusan kandungannya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

20. (1) Jika, kerana apa-apa perbuatan, kecuaiian atau kemungkiran, mana-mana orang telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan oleh sebab perbuatan, kecuaiian atau kemungkiran itu dia telah menyebabkan kerosakan kepada mana-mana sistem pemetung awam, maka orang itu, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang boleh dikenakan bagi kesalahan itu, boleh dikehendaki membaiki kerosakan itu dan membayar pampasan kepada Kerajaan Persekutuan bagi kerosakan yang disebabkan itu.

Kerosakan kepada sistem pemetung awam hendaklah dibaiki.

(2) Amaun yang hendaklah dibayar bagi membaiki apa-apa kerosakan di bawah subseksyen (1) hendaklah, jika ada pertikaian, ditentukan oleh mahkamah yang mensabitkan orang yang menyebabkan kerosakan itu.

## BAHAGIAN V

### SISTEM PEMBETUNGAN DAN TANGKI SEPTIK PERSENDIRIAN

21. Ketua Pengarah boleh pada bila-bila masa menggunakan apa-apa sistem perkhidmatan pemetung bagi mana-mana premis yang difikirkannya patut.

Kuasa Ketua Pengarah untuk menggunakan apa-apa sistem perkhidmatan pemetung.

Kuasa untuk menyebabkan tangki septik persendirian dibersihkan. dsb.

22. Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan tangki septik persendirian di kawasan-kawasan yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa dikemaskan, dibersihkan dan dikosongkan.

Kuasa Ketua Pengarah untuk menghendaki sistem pebetungan persendirian dijadikan berkeadaan teratur seperti yang sepatutnya.

23. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu sistem pebetungan atau tangki septik persendirian di mana-mana premis atau yang memberikan kemudahan kepada mana-mana premis; atau
- (b) suatu paip sambungan persendirian yang menyambungkan mana-mana premis ke suatu sistem pebetungan,

cacat atau tidak disenggara dengan sepatutnya atau memerlukan pembaikan, dia boleh mengeluarkan notis mengikut Akta ini kepada pemunya atau penghuni premis itu atau pemunya sistem pebetungan, tangki septik atau paip sambungan itu yang menghendaki pemunya atau penghuni itu membaiki sistem pebetungan, tangki septik atau paip sambungan persendirian itu atau menjadikannya berkeadaan teratur seperti yang sepatutnya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa, oleh sebab apa-apa halangan, mana-mana premis tempat terletaknya sesuatu tangki septik tidak mempunyai akses yang mencukupi bagi maksud mengemaskan, membersihkan dan mengosongkan tangki septik itu, dia boleh mengeluarkan notis mengikut Akta ini kepada pemunya atau penghuni premis itu supaya membuang halangan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Jika orang yang kepadanya notis telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (2) tidak mematuhi notis itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya boleh, apabila habis tempoh itu, membuat kerja yang dikehendaki dalam notis itu dan boleh mendapatkan belanja yang dilakukan pada berbuat demikian daripada pemunya atau penghuni itu.

24. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan notis mengikut Akta ini kepada pemunya atau, jika pemunya itu tidak dapat dengan usaha yang munasabah dikesani, penghuni mana-mana premis yang tidak disambungkan ke sistem pembetulan awam yang menghendaki pemunya atau penghuni itu membina atau meletakkan bagi premis itu, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, suatu paip sambungan persendirian daripada bahan atau dengan ukuran dan pada aras yang membolehkan premis itu disambungkan dengan sepatutnya dan berkesan ke mana-mana pembetulan awam atau sistem pembetulan awam yang terletak dalam lingkungan tiga puluh meter dari sempadan premis itu.

Kuasa untuk menghendaki premis disambungkan ke sistem pembetulan awam.

(2) Jika pemunya atau penghuni yang kepadanya notis di bawah subseksyen (1) telah dikeluarkan tidak mematuhi notis itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) Ketua Pengarah boleh memohon kepada Mahkamah Majistret bagi mendapatkan perintah yang menghendaki pemunya atau penghuni itu membina atau meletakkan paip sambungan persendirian yang dikehendaki di bawah subseksyen (1); atau
- (b) Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya boleh membina atau meletakkan paip itu atau menyebabkan paip itu dibina atau diletakkan.

25. (1) Pemunya atau penghuni mana-mana premis yang mempunyai sistem pembetulan atau tangki septik hendaklah—

Kewajipan pemunya untuk mengendalikan dan menyenggara sistem pembetulan atau tangki septik persendirian.

- (a) memastikan ada akses yang mencukupi ke tangki septik itu bagi membolehkan tangki septik itu diservis dan dibuang enap cemaranya;
- (b) menyebabkan tangki septik, paip sambungan persendirian dan segala alat tambahannya disenggara dan dijaga supaya tidak menjadi kacau-ganggu atau memudaratkan kesihatan; dan

- (c) menyebabkan tangki septik itu dikemaskan, dibersihkan dan dikosongkan oleh kontraktor perkhidmatan pembetulan berlesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Penalti  
berkenaan  
dengan  
kacau-  
ganggu,  
dsb. yang  
disebabkan  
oleh sistem  
pembetulan  
persendirian.

**26. (1) Pemunya—**

- (a) mana-mana sistem pembetulan atau tangki septik persendirian yang sebegitu kotor atau yang dalam keadaan atau terletak sedemikian rupa sehingga menjadi kacau-ganggu atau **berbahaya** kepada kesihatan; atau
- (b) mana-mana bangunan yang—
- (i) tidak dijaga dalam keadaan bersih dan bebas daripada efluen yang terbit daripada mana-mana sistem pembetulan atau tangki septik persendirian; atau
  - (ii) tidak dialihudarkan mengikut cara yang menjadikan tidak **memudaratkan** setakat yang **praktik** apa-apa gas, wap, debu atau kekotoran yang memudaratkan kesihatan dan yang dikeluarkan dari sistem pembetulan atau tangki septik persendirian itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(2) **Mahkamah** Majistret boleh, atau **permohonan** Ketua Pengarah, memerintahkan pemunya sistem pembetulan, tangki septik atau bangunan yang disebut dalam subseksyen (1) memberhentikan kacau-ganggu, mudarat atau **bahaya** itu.



## BAHAGIAN VI

## KUASA UNTUK MASUK

7.7. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Ketua Pengarah, atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya secara bertulis, boleh bagi maksud Akta ini masuk pada bila-bila masa ke mana-mana tanah atau premis lain bagi maksud—

Kuasa untuk memasuki premis.

- (a) membuat apa-apa tinjauan atau pemeriksaan;
- (b) menguruskan, merancang, mereka bentuk, mengubahpulihkan, membaiki, menyenggara dan mengendalikan apa-apa sistem pembedungan awam;
- (c) meletakkan atau membina apa-apa pembedungan atau paip pelupusan awam;
- (d) mengolah dan melupuskan kandungan mana-mana sistem pembedungan awam;
- (e) menghentikan penggunaan, menutup atau memusnahkan mana-mana bahagian sesuatu sistem pembedungan awam;
- (f) mengemaskan, membersihkan atau mengosongkan mana-mana tangki septik; atau
- (g) selainnya melaksanakan apa-apa kerja yang diberikuasa melalui Akta ini untuk dilaksanakan olehnya.

(2) Tiada seorang pun boleh masuk ke mana-mana tanah atau premis lain bagi mana-mana maksud yang tersebut dalam subseksyen (1) kecuali dengan keizinan pemunya dan, jika tanah atau premis itu dihuni, keizinan penghuni tanah atau premis itu atau selepas memberikan notis dua puluh empat jam sebelum itu kepada pemunya atau penghuni itu.

(3) Dalam hal tanah rizab, notis yang tersebut dalam subseksyen (2) hendaklah diberikan kepada orang yang bertanggungjawab bagi tanah rizab itu atau, jika tidak ada orang sedemikian, kepada Pentadbir Tanah Daerah.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), notis tidak diperlukan dalam hal kecemasan jika sesuatu sistem pembedungan atau mana-mana bahagiannya, kerana apa-apa sebab, adalah atau mungkin menjadi berbahaya kepada awam.

Kuasa untuk memasuki tanah yang bersempadanan.

28. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Ketua Pengarah, atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya secara bertulis, boleh masuk ke mana-mana tanah yang bersempadanan dengan atau yang berada dalam lingkungan satu ratus meter dari apa-apa kerja yang dijalankan di bawah seksyen 27—

- (a) bagi maksud meletakkan di atas tanah itu, tanah, kerikil, pasir, kapur, bata, batu, paip atau bahan lain; atau
- (b) bagi apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan pelaksanaan kerja-kerja itu,

tanpa membuat apa-apa bayaran, tawaran wang atau deposit terlebih dahulu.

(2) Tiada seorang pun boleh masuk ke mana-mana tanah atau menggunakan mana-mana tanah di bawah subseksyen (1) kecuali dengan keizinan pemunya dan, jika tanah itu dihuni, keizinan penghuni tanah itu atau selepas memberikan notis tujuh hari sebelum itu kepada pemunya atau penghuni itu.

(3) Mana-mana orang yang menggunakan mana-mana tanah di bawah subseksyen (1) hendaklah mengasingkan, dengan menggunakan pagar yang mencukupi, sekian bahagian tanah itu yang perlu digunakan bagi maksud-maksud yang tersebut dalam subseksyen itu daripada tanah lain yang bersempadanan dengannya.

Pampasan.

29. (1) Orang yang menggunakan kuasa-kuasa yang diberikan melalui seksyen 27 dan 28 hendaklah seboleh-bolehnya melakukan sedikit mungkin kerosakan dan apabila dia telah menjalankan kuasa itu dia hendaklah membayar pampasan penuh kepada semua orang yang berkepentingan bagi apa-apa kerosakan yang ditanggung oleh mereka oleh sebab penggunaan kuasa-kuasa itu.

(2) Jika apa-apa pertikaian berbangkit berkenaan dengan cukup tidaknya pampasan yang dikehendaki dibayar di bawah subseksyen (1), pertikaian itu hendaklah, atas permohonan bagi maksud itu oleh salah satu pihak yang bertikaian itu, diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

(3) Jika apa-apa pertikaian berbangkit tentang orang-orang yang berhak menerima pampasan atau tentang perkadaran yang berhak dikongsi oleh orang-orang yang berkepentingan itu, orang yang kena membayar pampasan itu boleh membayar kepada Mahkamah Sesyen—

- (a) apa-apa amaun yang difikirkan mencukupi oleh Mahkamah itu; atau
- (b) jika semua pihak yang bertikaian itu telah secara bertulis mengakui bahawa amaun yang ditawarkan adalah mencukupi, atau amaun itu telah diputuskan di bawah subseksyen (2), amaun itu;

dan Hakim Mahkamah Sesyen itu hendaklah, selepas memberikan notis kepada pihak-pihak itu dan mendengar mana-mana daripada mereka yang mahu didengar, menentukan orang-orang yang berhak menerima pampasan itu atau perkadaran pampasan itu yang berhak dikongsi oleh orang-orang yang berkepentingan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

(4) Tiap-tiap keputusan sesuatu pertikaian oleh seseorang Hakim Mahkamah Sesyen di bawah subseksyen (2) atau (3) adalah muktamad.

(5) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh hak mana-mana orang untuk menuntut melalui guaman dan mendapatkan kesemua atau apa-apa bahagian pampasan yang dibayar menurut seksyen ini daripada orang yang telah menerima pampasan itu.

## BAHAGIAN VII

## CAJ

Kuasa untuk  
mengenakan  
caj.

**30.** (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan menetapkan, sama ada secara berasingan atau sebagai kadar yang disatukan, caj, fee atau levi pebetungan yang hendaklah dibayar oleh mana-mana orang yang kepadanya perkhidmatan pebetungan diberikan di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, memberikuasa kontraktor perkhidmatan pebetungan yang dengannya perjanjian telah dibuat di bawah seksyen 7 untuk menuntut, memungut dan menyimpan caj, fee atau levi pebetungan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan perkhidmatan pebetungan yang diberikan oleh kontraktor perkhidmatan pebetungan itu di bawah perjanjian itu.

(3) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan—

- (a) jenis perkhidmatan yang berkenaan dengannya caj, fee atau levi pebetungan boleh dituntut, dipungut dan disimpan;
- (b) orang yang diberikuasa untuk menuntut, memungut dan menyimpan caj, fee atau levi pebetungan itu; dan
- (c) jangka masa sah pemberikuasaan untuk menuntut, memungut dan menyimpan caj, fee atau levi pebetungan itu.

(4) Mana-mana orang yang diberikuasa di bawah subseksyen (2) hendaklah—

- (a) menyenggara apa-apa akaun, buku dan rekod berkenaan dengan pembayaran dan pemungutan caj, fee atau levi pebetungan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah;
- (b) memberi Ketua Pengarah apa-apa maklumat, penyata dan akaun berkenaan dengan

pembayaran dan pemungutan caj, fee atau levi pebetungan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah; dan

- (c) membenarkan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah mendapat akses kepada atau memeriksa mana-mana dokumen, mesin atau kelengkapan yang disenggara atau digunakan bagi pembayaran atau pemungutan caj, fee atau levi pebetungan.

(5) Pemberikuasaan mana-mana orang di bawah subseksyen (2) tidaklah menjadikan Kerajaan Persekutuan bertanggung kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kecederaan, kerosakan atau kerugian oleh sebab orang yang diberikuasa di bawah subseksyen itu tidak menjalankan obligasinya di bawah perjanjian itu yang berkenaan dengannya caj, fee atau levi pebetungan itu dituntut, dipungut atau disimpan.

(6) Jika mana-mana premis atau mana-mana bahagiannya digunakan semata-mata sebagai tempat amalan agama atau bagi maksud-maksud khairat, Menteri boleh melalui perintah mengecualikan premis itu atau mana-mana bahagiannya daripada bayaran apa-apa caj, fee atau levi yang dikenakan di bawah subseksyen (1).

## BAHAGIAN VIII

### KELULUSAN PELAN DAN SPESIFIKASI BAGI SISTEM PEMBETUNGAN ATAU TANGKI SEPTIK

**31.** (1) Tiada seorang pun boleh membina apa-apa sistem pebetungan atau tangki septik tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Ketua Pengarah yang meluluskan pelan dan spesifikasi sistem pebetungan atau tangki septik yang dicadangkan itu.

Kelulusan diperlukan bagi pembinaan sistem pebetungan atau tangki septik.

(2) Mana-mana orang yang bercadang untuk membina apa-apa bangunan hendaklah, sebagai tambahan kepada pengemukaan pelan dan spesifikasi

bagi bangunan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis kepada pihak berkuasa tempatan yang relevan atau pihak berkuasa berkanun lain yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan sebelum apa-apa kelulusan bagi pembinaan atau pendirian bangunan itu diberikan oleh pihak berkuasa pelulusan yang relevan, mengemukakan kepada Ketua Pengarah pelan dan spesifikasi berkenaan dengan sistem pembedungan atau tangki septik bagi bangunan yang dicadangkan itu mengikut cara yang dikehendaki oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(3) Ketua Pengarah boleh memberikan arahan bertulis kepada orang yang mengemukakan apa-apa pelan dan spesifikasi berkenaan dengan pematuhan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Orang yang kepadanya apa-apa arahan bertulis diberikan di bawah subseksyen (3) hendaklah meminda pelan dan spesifikasi itu sewajarnya dan mengemukakan semula pelan dan spesifikasi yang sudah dipinda itu dalam tempoh atau tempoh lanjutan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Jika orang yang disebut dalam subseksyen (4) tidak mengemukakan semula, dalam tempoh atau tempoh lanjutan yang dinyatakan dalam subseksyen itu, pelan dan spesifikasi yang dipinda, pelan dan spesifikasi itu tidak boleh dipertimbangkan dan hendaklah disifatkan telah ditarik balik, tanpa menjejaskan hak orang itu untuk mengemukakan pelan dan spesifikasi baru.

(6) Mana-mana orang yang—

- (a) membina sistem pembedungan atau tangki septik tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah yang meluluskan pelan dan spesifikasinya;
- (b) membina apa-apa sistem pembedungan atau tangki septik yang tidak mengikut pelan dan spesifikasi yang diluluskan; atau

- (c) membuat apa-apa perubahan kepada pelan atau spesifikasi yang diluluskan bagi sistem pembetulan atau tangki septik selain daripada mengikut Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; dan dia hendaklah mengubah sistem pembetulan itu supaya mematuhi pelan dan spesifikasi yang diluluskan.

(7) Ketua Pengarah boleh mewakilkan kuasanya di bawah seksyen ini kepada sesuatu pihak berkuasa perancangan tempatan dan pihak berkuasa perancangan tempatan itu hendaklah menjalankan kuasa yang diwakilkan itu mengikut arahan Ketua Pengarah.

## BAHAGIAN IX

### PELESENAN

32. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) menyenggara atau mengendalikan apa-apa sistem pembetulan;
- (b) mengusahakan, memberikan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan pembetulan;
- (c) membuat apa-apa sambungan; atau
- (d) membina atau memasang apa-apa bahagian sistem pembetulan,

Lesen  
dikehendaki  
bagi  
perbuatan  
tertentu.

kecuali di bawah dan mengikut terma lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Permohonan  
dan  
pengeluaran  
lesen.

**33.** (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk membuat apa-apa perbuatan yang dilarang di bawah seksyen 32 hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah bagi maksud membuat keputusan tentang permohonan dan kesesuaian pemohon.

(2) Apabila diterimanya apa-apa permohonan yang dibuat mengikut subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh—

- (a) mengeluarkan lesen apabila dibayar fee yang ditetapkan; atau
- (b) enggan mengeluarkan lesen itu.

(3) Ketua Pengarah boleh, sama ada pada masa lesen itu dikeluarkan atau pada bila-bila masa selepas itu, mengenakan apa-apa syarat yang didapatinya perlu atau suaimanfaat dan syarat-syarat itu boleh diubah, dipinda atau dibatalkan pada bila-bila masa,

(4) Syarat-syarat yang boleh dikenakan di bawah subseksyen (3) boleh termasuk—

- (a) jenis dan takat perkhidmatan yang boleh atau boleh dikehendaki diberikan oleh pemegang lesen;
- (b) kawasan tempat pemegang lesen hendaklah memberikan perkhidmatan itu;
- (c) fee lesen tahunan yang kena dibayar oleh pemegang lesen;
- (d) hak-hak dan kewajipan-kewajipan tertentu pemegang lesen berkenaan dengan perkhidmatan yang hendaklah diberikan oleh pemegang lesen;
- (e) kehendak supaya pemegang lesen mematuhi apa-apa kod amali yang ditetapkan.

(5) Lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah, melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu, terus berkuatkuasa selama tempoh yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam setiap kes.



(6) Ketua Pengarah boleh membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini.

(7) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3) atau (6) boleh merayu kepada Menteri yang keputusannya adalah muktamad dan konklusif.

34. Tanpa menjejaskan syarat-syarat yang boleh dikenakan di bawah seksyen 33 dan apa-apa perjanjian yang dibuat di bawah seksyen 7, tiap-tiap pemegang lesen hendaklah memberikan perhatian sewajarnya kepada kecekapan, keekonomian dan keselamatan pengendalian berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen.

Kewajipan tambahan pemegang lesen.

## BAHAGIAN X

### PELBAGAI

35. Mana-mana orang yang pada bila-bila masa—

- (a) menggalang atau menghalang Ketua Pengarah atau seseorang pegawai yang dilantik di bawah Akta ini atau seseorang kontraktor penyambungan atau kontraktor perkhidmatan pernbetungan atau mana-mana orang lain dalam perjalanan dan pelaksanaan tugasnya atau apa-apa jua yang dia diberi kuasa atau dikehendaki membuatnya menurut kuasa atau berikutan dengan Akta ini; atau
- (b) memindahkan apa-apa tanda yang diletakkan bagi maksud menunjukkan apa-apa aras atau arah yang perlu bagi pelaksanaan kerja-kerja yang dibenarkan oleh Akta ini,

Penalti kerana menghalang Ketua Pengarah. dll.

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Penalti kerana tidak mematuhi notis.

**36.** (1) Jika apa-apa notis di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini **menghendaki** apa-apa perbuatan dilakukan atau kerja dilaksanakan oleh pemunya atau penghuni mana-mana premis dan pemunya atau penghuni itu tidak mematuhi kehendak-kehendak notis itu, pemunya atau penghuni itu adalah meiakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, jika tiada denda diperuntukkan dengan khusus, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan boleh didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(2) Jika apa-apa notis menghendaki apa-apa perbuatan dilakukan atau kerja dilaksanakan yang baginya tiada tempoh masa ditetapkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, notis itu hendaklah menetapkan tempoh masa yang munasabah bagi pematuhan kehendak itu.

Prosiding jika penghuni menentang pelaksanaan kerja-kerja.

**37.** (1) Jika penghuni mana-mana premis menghalang pemunya premis itu melaksanakan, berkenaan dengan premis itu mana-mana peruntukan Akta ini selepas notis tentang niatnya untuk berbuat demikian diberikan oleh pemunya itu kepada penghuni itu, Mahkamah Majistret, apabila dibuktikan penghalangan itu dan atas permohonan pemunya itu, boleh membuat perintah menghendaki penghuni itu membenarkan pemunya itu melaksanakan segala kerja berkenaan dengan premis itu sebagaimana yang perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dan boleh juga, jika difikirkannya patut, memerintahkan penghuni itu membayar kepada pemunya itu kos yang berhubungan dengan permohonan atau perintah itu.

(2) Penghuni mana-mana premis yang terus, selepas habis tempoh lapan hari dari tarikh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), enggan membenarkan pemunya premis itu melaksanakan kerja-kerja yang dinyatakan dalam perintah itu adalah meiakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari dia terus enggan sedemikian, dan pemunya itu hendaklah, semasa

keengganan penghuni itu berterusan, terlepas daripada apa-apa penalti yang, jika tidak kerana keengganan itu, boleh dikenakan ke atasnya oleh sebab dia ingkar melaksanakan kerja itu.

38. Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, adalah merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu pertubuhan perbadanan itu atau berupa sebagai bertindak atas sifat itu hendaklah, di samping pertubuhan perbadanan itu, disifatkan melakukan kesalahan itu.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

39. Pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dijalankan oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai di bawah kawalan, arahan dan pengawasannya yang diberikuasa dengan sewajarnya secara bertulis olehnya.

Penjalanan pendakwaan.

40. Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 8 yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakili kuasa secara bertulis, boleh mengikut budi bicaranya mengkompaun apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi denda maksimum yang ditetapkan bagi kesalahan itu.

Kuasa untuk mengkompaun kesalahan.

41. (1) Penyampaian sesuatu dokumen kepada mana-mana orang hendaklah dilaksanakan—

Penyampaian dokumen.

- (a) dengan menyerahkan dokumen itu kepada orang itu atau dengan menyerahkan dokumen itu di tempat kediamannya yang akhir diketahui kepada seorang anggota keluarganya yang dewasa;

- (b) dengan meninggalkan dokumen itu di tempat kediaman atau perniagaan orang itu yang lazim atau yang akhir diketahui dalam sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan menghantar dokumen itu melalui pos dalam surat bayar dahulu yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediaman atau perniagaan orang itu yang lazim atau yang akhir diketahui.

(2) Sesuatu dokumen yang dikehendaki disampaikan kepada pemunya atau penghuni mana-mana premis hendaklah disifatkan telah dialamatkan dengan sepatutnya jika dialamatkan dengan perihalan "pemunya" atau "penghuni" premis itu tanpa nama atau perihalan selanjutnya dan boleh disampaikan dengan menyerahkan dokumen itu kepada seorang orang dewasa di premis itu atau, jika tidak ada orang sedemikian di premis itu yang kepadanya dokumen itu boleh dengan usaha yang munasabah diserahkan, dengan melekatkan dokumen itu di suatu bahagian ketara premis itu.

Ketaktepatan  
dalam  
dokumen.

42. (1) Tiada kesilapan nama atau ketaktepatan perihalan mana-mana orang, premis, bangunan, pegangan, jalan atau tempat yang dinamakan atau diperihalkan dalam mana-mana dokumen yang disediakan, dikeluarkan atau disampaikan di bawah, menurut kuasa atau bagi maksud-maksud Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh dengan apa-apa cara menyentuh kuatkuasa Akta ini atau peraturan itu berkenaan dengan orang atau tempat itu jika orang atau tempat itu dinyatakan dalam dokumen itu sedemikian rupa sehingga boleh dikenalpasti.

(2) Tiada prosiding yang diambil di bawah atau menurut kuasa Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh menjadi tak sah kerana ketaktepatan bentuk.

43. Walau apa pun peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sesuatu perakuan yang berupa sebagai ditandatangani oleh Pentadbir Tanah Daerah bagi maksud membuktikan tuan punya berdaftar mana-mana tanah hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, menjadi keterangan apa-apa fakta yang dinyatakan dalamnya.

Perakuan bagi membuktikan tuan punya tanah.

44. (1) Tiap-tiap orang yang menjual atau memindahmilikkan apa-apa harta yang berkenaan dengannya kos dan belanja telah dilakukan oleh Ketua Pengarah atau seseorang kontraktor perkhidmatan pebetungan atau kontraktor penyambungan, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada atau semasa melaksanakan apa-apa kerja yang, di bawah Akta ini, boleh didapatkan daripada pemunya harta itu hendaklah terus menanggung liabiliti bagi pembayaran semua kos dan belanja yang kena dibayar berkenaan dengan harta itu dan bagi pelaksanaan segala obligasi lain yang dikenakan oleh Akta ini ke atas pemunya harta itu yang menjadi kena dibayar atau yang hendaklah dilaksanakan pada bila-bila masa sebelum pemindahmilikan itu berkuatkuasa.

Kebertanggungan pemindah milik.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh kebertanggungan pembeli atau penerima pindahan untuk membayar kos dan belanja berkenaan dengan harta yang disebut dalam subseksyen (1) atau menyentuh hak Ketua Pengarah atau seseorang kontraktor perkhidmatan pebetungan atau kontraktor penyambungan, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mendapatkan kos dan belanja itu daripada atau menguatkuasakan mana-mana obligasi di bawah Akta ini terhadap pembeli atau penerima pindahan itu.

45. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suaimanfaat bagi menjalankan atau memberikan kuatkuasa kepada, maksud-maksud Akta ini.

Kuasa untuk membuat peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) kuasa, kewajipan dan fungsi Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen 8;
- (b) kawasan-kawasan di mana tangki septik hendaklah dikemaskan, dibersihkan dan dikosongkan oleh kontraktor perkhidmatan pembetulan menurut perjanjian di bawah seksyen 7;
- (c) standard dan spesifikasi minimum yang hendaklah digunakan dalam reka bentuk dan pembinaan mana-mana sistem pembetulan;
- (d) standard bagi pengendalian dan penyenggaraan mana-mana sistem pembetulan;
- (e) masa dan cara pemeriksaan bagi pematuhan standard dan spesifikasi minimum yang ditetapkan dalam perenggan (c) boleh dijalankan oleh Ketua Pengarah atau orang yang diberikuasa olehnya secara bertulis dan fee yang hendaklah dibayar berkenaan dengan pemeriksaan itu;
- (f) bentuk dan kandungan lesen yang hendak dikeluarkan di bawah Bahagian IX, syarat-syarat yang hendaklah ditetapkan, syarat-syarat bagi pembatalan dan pembaharuan lesen dan fee yang hendaklah dibayar bagi lesen itu;
- (g) pengawalseliaan pembekalan dan penggunaan kelengkapan oleh kontraktor perkhidmatan pembetulan atau kontraktor penyambungan dalam memberikan perkhidmatan pembetulan atau melaksanakan atau menjalankan penyambungan;
- (h) kelayakan minimum yang hendaklah dimiliki oleh orang-orang sebelum mereka boleh diamanahkan dengan pengendalian, penyenggaraan atau pengurusan apa-apa sistem pembetulan persendirian;

- (i) pengeluaran, penggantungan atau pembatalan perakuan kekompetenan kepada orang-orang yang memiliki kelayakan yang ditetapkan di bawah perenggan (h) dan fee yang hendaklah dibayar bagi perakuan itu;
- (j) kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun borang yang hendaklah digunakan dalam dan kaedah dan prosedur bagi mengkompaun kesalahan;
- (k) apa-apa fee lain yang dikehendaki ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini;
- (l) bentuk pemberitahuan, notis dan perintah yang hendaklah dibuat di bawah Akta ini dan cara penyampaiannya;
- (m) cara yang hendaklah diterima-pakai, sama ada dengan cara larangan atau selainnya, untuk mencegah atau memberhentikan apa-apa kacau-ganggu yang mungkin terbit atau yang terbit daripada pengerjaan apa-apa sistem pebetungan atau tangki septik persendirian;
- (n) pengawalseliaan perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor perkhidmatan pebetungan termasuk peruntukan bagi mendapatkan caj, fee dan levi bagi perkhidmatan pebetungan, penyambungan, kemasukan ke dalam mana-mana premis oleh kontraktor perkhidmatan pebetungan atau pegawai-pegawai diberikuasanya bagi maksud-maksud yang berhubungan dengan perkhidmatan pebetungan dan bentuk apa-apa notis yang diperlukan;
- (o) cara pelan dan spesifikasi berkenaan dengan apa-apa sistem pebetungan yang dicadangkan hendaklah dikemukakan di bawah Akta ini;
- (p) prosedur bagi membuat keputusan tentang pertikaian dan rayuan, pengadaan siasatan dan timbangtara di bawah Akta ini; dan
- (q) apa-apa perkara lain yang diberikuasa atau dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini

**ditetapkan** atau yang **perlu** atau suaimanfaat **ditetapkan** bagi menguatkuasakan Akta ini.

Kecualian  
dan peralihan.

**46.** (1) Tiada apa-apa jua boleh menyentuh kuatkuasa sebelum ini, atau apa-apa jua yang dilakukan di bawah peruntukan-peruntukan, mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan sistem dan perkhidmatan pemetungan yang diluluskan sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

(2) Apa-apa pelan atau spesifikasi berkenaan dengan apa-apa sistem pemetungan atau tangki septik yang diluluskan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah disifatkan telah diluluskan di bawah seksyen 31.

(3) Peruntukan-peruntukan subseksyen 32(1) dan (2) tidaklah terpakai bagi mana-mana orang yang, pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, menjalankan mana-mana perbuatan yang diperihalkan dalam subseksyen 32(1) sehingga habis tempoh enam bulan dari tarikh itu atau diputuskan dengan muktamad permohonannya untuk mendapatkan lesen di bawah Akta ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), apa-apa hak, kebebasan, keistimewaan, obligasi atau liabiliti yang wujud sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini menurut kuasa mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan sistem pemetungan atau perkhidmatan pemetungan yang berkuatkuasa sebelum tarikh itu hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat peruntukan bagi meminda dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan sistem pemetungan dan perkhidmatan pemetungan di seluruh Malaysia bagi maksud memperbaiki kebersihan dan alam sekitar dan bagi meningkatkan kesihatan awam.



2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara **permulaan**.

*Fasal 1* adalah berkenaan dengan tajuk ringkas dan bertujuan **membenarkan** Menteri **menetapkan** tarikh **mula** berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan dan **menggantung** **kuatkuasa** Akta **ini**.

*Fasal 2* **mentakrifkan** perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan **dalam** Rang Undang-Undang ini.

3. Bahagian II **memperkatakan tanggungjawab** bagi sistem dan perkhidmatan pembedungan.

*Fasal 3* bertujuan **memberikan** kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan sistem pembedungan dan perkhidmatan pembedungan di seluruh Malaysia.

*Fasal 4* memperkatakan peletakhakan aset dan liabiliti **pihak** berkuasa tempatan atau Kerajaan Negeri berhubungan dengan sistem pembedungan dan perkhidmatan pembedungan pada Kerajaan Persekutuan.

*Fasal 5* memperkatakan perjanjian dan perkiraan yang menyentuh **apa-apa** aset atau liabiliti yang terletak pada Kerajaan Persekutuan di **bawah** *fasal 4*.

*Fasal 6* bertujuan **mbolehkan** Kerajaan Persekutuan mengambil **alih** kawalan dan pengurusan **pengusahaan** kontraktual berkenaan dengan sistem pembedungan yang akan dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan, **sebelum** pemindahan itu.

*Fasal 7* bertujuan memberi Kerajaan Persekutuan kuasa untuk **mbuat** perjanjian penswastan dengan kontraktor perkhidmatan pembedungan.

4. Bahagian III memperkatakan perlantikan dan kuasa-kuasa serta fungsi-fungsi Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembedungan.

*Fasal 8* bertujuan membuat peruntukan bagi perlantikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembedungan dan **pegawai-pegawai** lain.

*Fasal 9* menyenaraikan satu persatu kuasa dan fungsi Ketua Pengarah.

*Fasal 10* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan yang bersifat am kepada Ketua Pengarah.

5. Bahagian IV memperkatakan sistem pembedungan awam.

Di bawah *fasal 11* **mana-mana** sistem pembedungan yang dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan mana-mana sistem pembedungan yang dibina **oleh** kontraktor perkhidmatan pembedungan di bawah perjanjian penswastan akan disifatkan sebagai sistem pembedungan awam.

*Fasal 12* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengisytiharkan mana-mana sistem pemetungan yang bukan sistem pemetungan awam menjadi sistem pemetungan awam.

*Fasal 13* bertujuan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menyebabkan apa-apa sistem pemetungan, pemetung awam dan paip pelupusan dibina.

*Fasal 14* bertujuan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menghendaki mana-mana orang yang bercadang untuk membina pemetung atau sistem pemetungan yang akan atau mungkin akan diperlukan untuk menjadi sebahagian daripada sistem pemetungan awam supaya mematuhi kehendak-kehendak tertentu. Belanja tambahan yang dilakukan oleh orang itu kerana mematuhi kehendak-kehendak itu akan dibayar balik.

*Fasal 15* memperkatakan pengendalian, penyenggaraan dan pembaikan sistem pemetungan awam.

*Fasal 16* bertujuan mengenakan kewajipan ke atas Ketua Pengarah supaya memastikan bahawa sistem pemetungan awam dikemaskan, dibersihkan dan dikosongkan.

*Fasal 17* bertujuan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menghendaki pemunya atau penghuni bangunan yang tidak mempunyai saliran kumbahan yang sepatutnya supaya mengadakan saliran itu.

*Fasal 18* bertujuan melarang sambungan tanpa kebenaran ke pemetung awam atau tempat olahan awam dan halangan kepada pemetung awam dan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menghendaki pembuangan halangan dan sambungan tanpa kebenaran.

*Fasal 19* bertujuan melarang pelepasan ke dalam pemetung awam atau tempat olahan awam apa-apa efluen industri, bahan berbahaya atau benda lain yang mungkin merosakkan pemetungan awam atau tempat olahan awam itu.

*Fasal 20* bertujuan menghendaki mana-mana orang yang telah menyebabkan kerosakan kepada mana-mana sistem pemetungan awam supaya memperbaiki kerosakan itu.

6. Bahagian V memperkatakan sistem pemetungan dan tangki septik persendirian.

*Fasal 21* bertujuan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menggunakan apa-apa sistem perkhidmatan pemetungan bagi mana-mana premis yang difikirkannya patut.

*Fasal 22* memperkatakan pengemasan, pembersihan dan pengosongan tangki septik persendirian di kawasan-kawasan yang ditetapkan.

*Fasal 23* bertujuan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk **menghendaki pemunya atau penghuni mana-mana premis yang sistem pembedungan persendirian, paip sambungan persendirian atau tangki septiknya cacat atau yang tiada akses yang mencukupi** supaya menjadikan sistem, paip atau tangki itu berada dalam keadaan yang sepatutnya atau mengadakan akses yang mencukupi.

*Fasal 24* bertujuan memberi Ketua Pengarah kuasa untuk **menghendaki pemunya atau penghuni mana-mana premis yang tidak disambungkan ke mana-mana sistem pembedungan awam** supaya **menyambungkannya** ke sistem pembedungan awam atau **pembedung awam yang terletak** dalam lingkungan tiga puluh meter dari sempadan premis itu.

*Fasal 25* bertujuan mengenakan kewajipan ke atas pemunya atau penghuni premis supaya menyenggara sistem pembedungan dan tangki septik persendirian mereka.

*Fasal 26* bertujuan mengadakan penalti bagi pemunya mana-mana sistem pembedungan atau tangki septik persendirian atau bangunan yang mempunyai sistem pembedungan atau tangki septik persendirian, yang tidak disenggara dengan sepatutnya dan **oleh itu berbahaya** kepada kesihatan.

#### 7. Bahagian VI memperkatakan kuasa untuk masuk.

*Fasal 27 dan 28* bertujuan memberi Ketua Pengarah dan mana-mana orang yang diberikuasa olehnya secara bertulis kuasa untuk masuk ke mana-mana tanah atau premis lain bagi maksud Akta yang dicadangkan ini, dengan syarat **bahawa** keizinan pemunya atau penghuni tanah atau premis itu diperolehi atau notis diberikan terlebih dahulu.

*Fasal 29* mengadakan peruntukan bagi pembayaran **pampasan** kerana kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa **kemasukan** yang dibuat di bawah *fasal 27 atau 28*.

8. Bahagian VII bertujuan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan caj bagi perkhidmatan pembedungan dan untuk **memberikuasa** mana-mana orang yang dengannya perjanjian penswastan sudah dibuat untuk memungut caj itu.

9. Bahagian VIII bertujuan melarang mana-mana orang mendirikan apa-apa sistem pembedungan melainkan jika **pelan** dan spesifikasi bagi sistem itu sudah diluluskan oleh Ketua Pengarah.

10. Bahagian IX memperkatakan pelesenan kontraktor perkhidmatan pembedungan dan kontraktor penyambungan dan mana-mana orang yang mengendalikan, menyenggara, membina atau **memasang** sistem pembedungan.

*Fasal 32* bertujuan menghendaki tiap-tiap **kontraktor perkhidmatan pembedungan** atau kontraktor penyambungan atau mana-mana orang yang mengendalikan, menyenggara, membina atau memasang sistem pembedungan dilesen.

*Fasal 33* mengandungi peruntukan-peruntukan bagi permohonan dan pemberian lesen.

*Fasal 34* bertujuan mengenakan **kewajipan** ke atas tiap-tiap pemegang lesen supaya **memberikan** perhatian kepada kecekapan, keekonomian dan keselamatan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pemegang lesen.

#### 11. Bahagian X memperkatakan beraneka perkara pelbagai.

*Fasal 35* mengadakan penalti bagi mana-mana orang yang menghalang Ketua Pengarah atau mana-mana orang lain **semasa** dia menjalankan fungsi-fungsinya di **bawah** Akta yang dicadangkan ini.

*Fasal 36* mengandungi penalti bagi mana-mana pemunya atau penghuni premis yang tidak mematuhi apa-apa notis yang diberikan di bawah Akta yang dicadangkan ini.

*Fasal 37* bertujuan membolehkan pemunya mana-mana premis yang dihalang oleh seseorang penghuni daripada menjalankan kerja-kerja yang dikehendaki di bawah Akta yang dicadangkan ini memohon kepada Mahkamah **Majistret** untuk **mendapatkan perintah** yang menghendaki penghuni itu **membenarkan** pemunya itu menjalankan kerja-kerja sedemikian.

*Fasal 38* memperuntukkan bahawa jika kesalahan dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, **maka** pengarahnya atau pegawainya hendaklah **disifatkan** melakukan kesalahan itu.

*Fasal 39* bertujuan membenarkan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa olehnya menjalankan **pendakwaan** berkenaan dengan **kesalahan-kesalahan** yang dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 40* bertujuan memberi Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai tertentu kuasa untuk **mengkompaun kesalahan-kesalahan** yang ditetapkan yang tertentu.

*Fasal 41* mengandungi peruntukan bagi **penyampaian** dokumen.

*Fasal 42* memperkatakan ketaktepatan atau kesilapan **dalam** mana-mana dokumen yang dikeluarkan bagi maksud Akta yang dicadangkan ini.

*Fasal 43* memperuntukkan bahawa **perakuan** yang ditandatangani oleh Pentadbir Tanah Daerah bagi maksud membuktikan tuan punya berdaftar mana-mana tanah hendaklah **menjadi** keterangan tentang **hakikat** itu.

*Fasal 44* bertujuan memperuntukkan bahawa walaupun harta dijual atau dipindahmilikkan oleh pemunyanya, pemunya itu terus bertanggung bagi kos dan belanja yang dilakukan di bawah Akta yang dicadangkan ini.

*Fasal 45* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan bagi memberikan kuatkuasa kepada Akta ini.

*Fasal 46* mengandungi peruntukan-peruntukan kecualian dan peralihan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U<sup>2</sup>)1750.]